



### **Syarat-syarat KARNIVAL FUTSAL ALUMNI SMACH 2009**

- 1 Setiap pasukan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya empat (4) orang bekas pelajar SMACH. Seorang (1) pemain import boleh disenarai dalam setiap pasukan. Sekiranya pasukan bekas pelajar menggunakan bekas pelajar dari *batch* yang berlainan, status pemain itu tidak dikira sebagai import. Pasukan juga boleh menggunakan suami kepada bekas pelajar dan status juga tidak kira sebagai pemain import.
- 2 Maksima pemain import dibenarkan beraksi dalam satu-satu masa perlawanan hanyalah seorang.  
*[nota: kebenaran mengambil pemain import hanyalah untuk membantu bekas pelajar SMACH bagi melengkapkan sesuatu pasukan. Pengambilan pemain import bagi tujuan lain adalah amat tidak digalakkan]*
- 3 Peraturan futsal adalah digunapakai. 5 orang pemain akan berada di atas gelanggang pada setiap masa termasuk penjaga gol. Pertukaran pemain adalah *on-the-fly* iaitu boleh ditukar pada bila-bila masa tanpa memerlukan kebenaran pengadil. Keluar masuk seorang pemain tidak mempunyai had.
- 4 Tiada had kepada jumlah pasukan setiap *batch*. Lebih banyak penyertaan pasukan adalah sangat dialukan. Setiap pasukan akan dinamakan sempena *batch* masing-masing- contoh SPM92A dan SPM92B.
- 5 Format liga-sekumpulan akan diadakan (bergantung kepada jumlah penyertaan). Johan dan naib johan kumpulan akan mara ke peringkat seterusnya.
- 6 Setiap kemenangan akan diberi 3 mata, seri 1 dan kalah 0. Jika terdapat pasukan yang sama mata, jumlah perbezaan gol (gol dijaringkan dan gol kena) akan diambil kira. Jika perbezaan gol masih sama, keputusan perlawanan *head-to-head* akan diambil kira. Jika keputusan masih lagi terikat, sepakan penalti 3 kali akan diambil oleh setiap pasukan bagi memutuskan keputusan.
- 7 Bagi permainan peringkat kedua dan seterusnya, pertandingan adalah secara kalah mati. Sekiranya seri selepas masa sebenar tamat, masa tambahan 3 minit satu separuh masa dengan rehat 1 minit diantaranya akan diadakan. Sekiranya masih seri, 3 sepakan penalti setiap pasukan akan diadakan. Sekiranya masih seri selepas sepakan penalti, sepakan penalti *sudden-death* akan diadakan.
- 8 Yuran penyertaan adalah RM 160. Pembayaran boleh dibuat terus ke dalam akaun Persatuan Bekas Pelajar SMACH (MBB: **5531 0421 1609**). Bukti pembayaran hendaklah disertakan jika telah membuat bayaran kepada akaun di atas.
- 9 Acara ini akan diadakan di **Sports Planet SUBANG GRAND, Subang Jaya**, Selangor pada **pada 28 Jun 2009** dari 10 pagi hingga 2 petang. Jadual sebenar akan diedarkan kemudian.
- 10 Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kecederaan atau apa apa kemalangan yang berlaku semasa pertandingan. Kit pertolongan cemas asas akan disediakan oleh penganjur.
- 11 Setiap pasukan hendaklah menyediakan satu set jersey.
- 12 Borang penyertaan hendaklah dihantar selewat-lewatnya **14 Jun 2009**, bayaran selewat-lewatnya pada tarikh yang sama.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi sekretariat kejohanan seperti berikut:

Sansubari  
019 9597745  
sansubari@tnb.com.my

Azuan  
019 2022309  
azjuan@yahoo.com

Yusrizal  
019 3517717  
mmohdyus@tnb.com.my